



# Buku Kerja Kanak-Kanak

Untuk Lingkungan Umur

7 8



**Berdasarkan Kepada**

**Siri Penjelajahan Alkitab Kanak-Kanak**

**Kisah Rasul-Rasul Jilid 2**

SAMPLE

# **Buku Kerja**

# **Kanak-Kanak**

**Untuk Lingkungan Umur 7-8**

**Berdasarkan Kepada**  
**Siri Penjelajahan Alkitab**  
**Kanak-Kanak**

# **Kisah Rasul-Rasul Jilid 2**

**Joseph Lim Wei Sheng**

**Diterjemahi oleh Veronica Moulin**

# Hak Cipta



Terjemahan The Children's Bible Explorer Series *Epic of the Apostle Vol.2*  
Diterbitkan di Malaysia pada 2016 oleh Pristine World Sdn. Bhd

Hak Cipta © 2016 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia  
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB BERITA BAIK.  
Hak cipta © 2001,  
The Bible Society of Malaysia.

# Isi Kandungan

Pelajaran 1	Perjalanan Penginjilan Pertama: Siprus	4
Pelajaran 2	Perjalanan Penginjilan Pertama: Menderita Demi Injil di Galatia	6
Pelajaran 3	Sidang Yerusalem: Konfrontasi dan Perdamaian	8
Pelajaran 4	Perjalanan Penginjilan Kedua: Penglihatan dan Pertaubatan	10
Pelajaran 5	Perjalanan Penginjilan Kedua: Penjara dan Gempa Bumi	12
Pelajaran 6	Perjalanan Penginjilan Kedua: Tesalonika, Berea	14
Pelajaran 7	Perjalanan Penginjilan Kedua: Atena	16
Pelajaran 8	Perjalanan Penginjilan Kedua: Korintus	18
Pelajaran 9	Perjalanan Penginjilan Ketiga: Efesus	20
Pelajaran 10	Perjalanan Penginjilan Ketiga: Surat kepada Jemaat di Roma	22
Pelajaran 11	Perjalanan Penginjilan Ketiga: Meninggalkan Pemimpin Jemaat dan Kembali ke Yerusalem	24
Pelajaran 12	Paulus ditangkap di Yerusalem	26
Pelajaran 13	Perbicaraan Paulus	28
Pelajaran 14	Perjalanan ke Roma: Kapal Karam	30
Pelajaran 15	Paulus - Tahanan di Roma	32
Pelajaran 16	Epilog	34

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 1: Perjalanan Penginjilan Pertama: Siprus

*Rujukan Bab 1 di dalam DVD-R dan buku*

### **Tema:**

Dengan kuasa Roh Allah, Injil disebarkan ke serata tempat. Orang Yahudi dan bukan Yahudi memercayainya.

### **Tujuan Pembelajaran:**

Belajar untuk beriman kepada Yesus. Anda akan tahu bahawa apabila anda berdoa meminta pimpinan-Nya, Tuhan akan memberikan Roh Allah untuk menunjukkan jalan.

### **Petikan Alkitab:**

Kis13:1-52

### **Ayat Hafalan:**

“Oleh itu, saudara-saudara, ketahuilah bahawa melalui Yesus berita tentang pengampunan dosa sudah disampaikan kepada saudara semua.”Kisah Rasul-Rasul 13:38



## Belajar

### **Pengajaran Cerita ini:**






1. Jemaat Antiokhia di Siria dipimpin oleh Roh Allah untuk menghantar Paulus dan Barnabas dalam perjalanan penginjilan.
2. Injil diberitakan kepada orang Yahudi terlebih dahulu tetapi mereka menolaknya. Oleh itu, para rasul memberitakan Injil kepada orang bukan Yahudi.

### **Memahami Cerita:**

1. Apakah hukuman Elimas yang menentang kebenaran?  
Dia telah \_\_\_\_\_.
2. Siapakah yang meninggalkan para penginjil di Perga?  
A. Saulus dari Tarsus                      B. Lusius dari Kirene  
C. Barnabas                                  D. Yohanes Markus
3. Saulus mengubah namanya kepada \_\_\_\_\_ dalam bahasa \_\_\_\_\_.

## Aktiviti

Pilih cara hidup anda. Lengkapkan dan warnakan gambar-gambar yang anda pilih. Kemudian, sambungkan titik-titik garisan pada gambar pilihan bermula dari kiri ke kanan. Gunakan huruf yang tersembunyi di setiap gambar untuk mengisi tempat kosong pada ayat di bawah.

 <p>Dengan Roh Allah</p>	 <p>Percaya kepada Wang</p>	 <p>Cara yang Betul (lukis diri anda yang gembira)</p>
 <p>Tanpa Roh Allah</p>	 <p>Percaya kepada Tuhan</p>	

Ber \_\_\_ kepada Tuhan untuk membantu anda dalam segala hal.

### Penerapan:

1. Fikirkan pengalaman hidup anda. Fikirkan bagaimana penyertaan Tuhan ketika itu.
2. Apakah yang akan anda lakukan ketika berhadapan dengan masalah dan anda rasa tidak dapat mengatasinya?  
\_\_\_\_\_
3. Pada pendapat anda, apakah respons Tuhan terhadap orang yang meminta pimpinan-Nya?  
\_\_\_\_\_

### Doa:

Bapa kami yang di syurga, tolong saya untuk percaya dan beriman kepada-Mu. Tolong saya untuk memahami peranan Roh Allah dalam hidup saya dan menerima pimpinan yang diperlukan.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 2: Perjalanan Penginjilan Pertama: Menderita Demi Injil di Galatia

*Rujukan Bab 2 di dalam DVD-R dan buku*

### Tema:

Para rasul mengalami penganiayaan ketika memberitakan Injil tetapi apabila Injil diterima, mereka melatih orang percaya untuk bertumbuh dalam iman.

### Tujuan Pembelajaran:


Belajar menceritakan tentang Yesus dan perkara yang dilakukannya untuk anda kepada rakan-rakan.

### Petikan Alkitab:

Kis14:1-28

### Ayat Hafalan:

Mereka menguatkan hati pengikut-pengikut di situ dan menggalakkan mereka supaya tetap percaya kepada Yesus. Rasul-rasul itu berkata, "Kita harus mengalami banyak penderitaan supaya kita dapat menikmati Pemerintahan Allah!" - Kis14:22




## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Meskipun dianiyai oleh orang Yahudi dan bukan Yahudi, Paulus dan Barnabas pergi dari satu kota ke kota yang lain untuk mengongsi berita baik keselamatan melalui Yesus.
2. Apabila dihalau, mereka berpindah ke kota seterusnya. Apabila diterima, mereka mendirikan sebuah gereja.

### Memahami Cerita

Berdasarkan kepada cerita, susun semula gambar mengikut urutan yang betul dengan menulis nombor di sisi gambar. Kemudian tulis ayat pendek tentang gambar tersebut.






---



---




---



---

## **Aktiviti**

Tulis sesuatu tentang dua orang yang anda ingin kongsi tentang Yesus.

Nama	Gambar	Penjelasan

Sekarang fikir dengan teliti mengapa anda ingin berkongsi tentang Yesus kepada mereka dan tulis sebab anda di bawah.

Saya ingin berkongsi tentang Yesus kepada mereka kerana \_\_\_\_\_.

### **Penerapan:**

1. Bayangkan anda sedang memberitakan Injil dan sekumpulan orang selalu menentang perbuatan anda. Bagaimanakah anda berhadapan dengan mereka?
2. Apakah yang akan anda lakukan sekiranya secara tiba-tiba, beberapa orang menyembah anda sebagai tuhan?

### **Doa:**

Berikan saya keberanian untuk memberitakan Injil kepada yang memerlukannya, dalam nama Yesus saya berdoa, amin.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 3: Sidang Yerusalem: Konfrontasi dan Perdamaian

*Rujukan Bab 3 di dalam DVD-R dan buku.*

### Tema:

Ritual, perbuatan baik dan mematuhi peraturan tidak membawa keselamatan. Kita menerima keselamatan melalui iman dalam Yesus.

### Tujuan Pembelajaran:

Memahami supaya tidak meletakkan kepentingan dalam ritual sebaliknya menitik-beratkan perkara seperti membantu orang lain.

### Petikan Alkitab:

Kis 15:1-29

### Ayat Hafalan:

Saudara-saudaraku, kamu sudah dipanggil untuk menjadi orang bebas. Tetapi janganlah jadikan kebebasan itu alasan untuk membiarkan diri dikuasai oleh hawa nafsu. Sebaliknya, kamu harus saling mengasihi dan saling menolong. Galatia 5:13



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Beberapa orang Kristian Yahudi bertegas supaya semua orang Kristian dikehendaki mengikut adat dan hukum orang Yahudi.
2. Akhirnya, para rasul memutuskan bahawa perkara itu tidak perlu dilakukan. Walau bagaimanapun, jemaat mengikut beberapa larangan mereka untuk menjaga hati orang Yahudi yang percaya.

### Memahami Cerita

1. A \_\_\_\_\_ dan P \_\_\_\_\_ merupakan antara orang Yahudi yang diusir dari Roma.
2. Apabila Paulus dan Barnabas pergi ke Yerusalem, mereka berdebat. Perdebatan tersebut adalah di antara

Mereka yang	lwn.	Mereka yang
-------------	------	-------------

3. Sebelum ini, Petrus pernah bergaul dengan orang bukan Yahudi. Apakah cerita itu?  
Dia \_\_\_\_\_

## Aktiviti

Cari perkataan di dalam petak berikut. Anda boleh mencari secara ke bawah, kiri, kanan serta mencondong. Kemudian isi tempat kosong dengan perkataan tersebut.

1. Beberapa orang percaya \_\_\_\_\_ mahu orang Kristian bukan Yahudi untuk disunat.
2. Mereka mahu orang Kristian bukan Yahudi untuk mengikut \_\_\_\_\_.
3. \_\_\_\_\_ dan Barnabas merupakan beberapa di antara mereka yang tidak mahu memaksa orang Kristian bukan Yahudi untuk mengikut hukum dan adat orang Yahudi.

B	P	N	E	C	U	I	L	A	V
T	A	D	A	U	I	S	A	Y	E
H	U	K	U	M	M	U	S	A	R
K	L	I	I	P	A	R	O	H	M
I	U	W	O	Z	N	X	W	U	L
N	S	R	P	Q	R	S	T	D	O
P	O	M	N	L	K	J	I	I	O
A	C	A	C	I	D	E	G	H	N
K	N	B	E	B	A	N	B	I	D
E	F	C	S	I	B	U	T	L	U

4. Paulus berkata bahawa hanya melalui \_\_\_\_\_ dalam Yesus orang diselamatkan melalui \_\_\_\_\_.
5. Petrus berkata bahawa mereka tidak harus memberi \_\_\_\_\_ yang tidak sepatutnya kepada orang Kristian bukan Yahudi.

Senarai perkataan:  
Yahudi

Hukum Musa  
Iman

Paulus  
Kurnia

Beban

### Penerapan:

1. Apakah ritual yang anda tahu ketika merayakan Paskah, Krismas atau apa-apa sahaja perayaan Kristian?
2. Wajibkah anda mengikut kebiasaan-kebiasaan tersebut untuk menerima keselamatan? Mengapa?

### Doa:

Bapa kami yang di syurga, tolong saya untuk percaya bahawa Engkau mengasihi.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 4: Perjalanan Penginjilan Kedua: Penglihatan dan Pertaubatan

Rujukan Bab 4 di dalam DVD-R dan buku

### Tema:

Ada kalanya Tuhan menggunakan kelemahan kita (seperti perselisihan) untuk memenuhi rencana-Nya. Tetapi kita harus selalu peka untuk mentaati Firman-Nya di dalam Alkitab.

### Tujuan Pembelajaran:

Memahami hakikat Allah menggunakan perselisihan faham dengan kawan untuk melakukan perkara baik melalui anda.

### Petikan Alkitab:

Kis 15:36-41, 16:1-15

### Ayat Hafalan:

“Di bawah pimpinan-Nya, semua anggota tubuh yang berlainan itu tersusun rapi, dan seluruh tubuh itu dihubungkan oleh sendi-sendi yang sudah tersedia. Oleh itu, apabila setiap anggota bekerja dengan sepatutnya, seluruh tubuh itu akan membesar dan menjadi kuat, kerana kasih.” Efesus 4: 16



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Perselisihan Paulus dan Barnabas menyebabkan terjadinya dua kumpulan penginjil dan dua perjalanan.
2. Paulus melakukan keputusan strategik melalui satu penglihatan.

### Memahami Cerita

1. Siapakah yang menyertai dan siapakah yang meninggalkan Paulus dalam bab ini?  
Tulis nama mereka pada ruang di bawah.


Orang yang menyertai Paulus	Orang yang meninggalkan Paulus Paul

## **Aktiviti**

Buat sebuah kapal terbang kertas untuk rakan anda. Sertakan sebuah dorongan.

Bahan yang diperlukan: Kertas A4

Arahan:



Setelah kapal terbang kertas selesai, tuliskan kata-kata dorongan pada salah satu sayap kapal terbang tersebut.

### **Penerapan:**

1. Beberapa rakan anda mungkin pernah mengalami kesedihan. Jika anda tahu tentangnya, berilah mereka semangat dan dorongan.

---

---

2. Apakah yang akan anda katakan kepada rakan yang pernah berselisih dengan anda sebelum ini?

---

---

### **Doa:**

Bapa kami yang di syurga, tolong saya untuk melihat tujuan dalam setiap masalah yang saya lalui, dan sentiasa mengingati untuk meminta pimpinan dan perlindungan-Mu. Amin.

## Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

# Pelajaran 5: Perjalanan Penginjilan Kedua: Penjara dan Gempa Bumi

*Rujukan Bab 4 di dalam DVD-R dan buku*

### Tema:

Para rasul percaya kepada Tuhan untuk memberikan kemampuan luar biasa bagi memenuhi tugas yang telah diberikan oleh-Nya kepada mereka.

### Tujuan Pembelajaran:

Belajar mempercayai Tuhan walaupun pada waktu susah. Pujilah Tuhan dalam setiap perkara.

### Petikan Alkitab:

Kis 16:16-40

### Ayat Hafalan:

"Hendaklah kamu sentiasa bersukacita, dan berdoalah sentiasa. Hendaklah kamu bersyukur dalam segala keadaan, kerana hal inilah yang dikehendaki oleh Allah daripada kamu sebagai orang yang hidup bersatu dengan Kristus Yesus." 1 Tesalonika 5: 16-18



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

Tuhan memberikan kebolehan mengusir roh jahat kepada Paulus serta melakukan mukjizat untuk membebaskan Paulus dan Silas.

### Memahami Cerita

Berdasarkan kepada cerita, tuliskan beberapa ayat dengan perkataan berikut.

1. ramal, penilik-
2. Dirotan, penjara-
3. gempa bumi, rantai-
4. pegawai penjara, pedang-
5. percaya, dibaptis-

## **Aktiviti**

Tuliskan sebuah lagu tentang masa susah anda dan bagaimana Tuhan membantu menyelesaikannya, serta pengajaran yang anda dapat. Pilih masalah yang ingin anda jadikan sebagai lagu. Lirik (perkataan dalam lagu) mesti sekurang-kurangnya 5 baris. Berikan tajuk kepada lagu anda.

Berikut adalah contoh lagu.

### **Anjing Kesayangan Saya Hilang**

*Anjing saya hilang*

*namanya Si Jojo*

*Saya sangat sedih*

*tapi Tuhan beritahu*

*masih ada banyak*

*perkara yang baik*

*seperti keluarga saya*


*jadi jangan bersedih lagi. (nyanyi seperti Burung Kakak Tua)*

Anda boleh melihat contoh di atas tetapi tidak boleh menyalin atau menggunakan rentak lagu yang sama. Tulis lagu di atas sehelai kertas. Lagu yang terbaik akan dinyanyikan di hadapan kelas.

### **Penerapan:**

Apakah cabaran-cabaran yang anda hadapi sebagai seorang Kristian?

Petak di bawah menyediakan 2 tempat untuk cabaran yang anda mungkin hadapi sebagai seorang Kristian. Salah satunya telah diisi untuk anda. Isikan 3 petak yang lain.

### **Doa:**

Bapa kami yang di syurga, terima kasih untuk semua pertolongan-Mu di waktu saya susah dan juga kerana memberikan harapan dan ketenangan.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 6: Perjalanan Penginjilan Kedua: Tesalonika, Berea

Rujukan Bab 5 di dalam DVD-R dan buku

### Tema:

Tuhan melihat kesungguhan kita dan Dia akan memberikan ganjaran.

### Tujuan Pembelajaran:

Taat kepada Tuhan dan ibu bapa.  
Bersungguh-sungguh dalam setiap perkara yang kita lakukan.

### Petikan Alkitab:

Kis17:1-15

### Ayat Hafalan:

“Akhirnya, saudara-saudaraku, hendaklah kamu menumpukan fikiran hanya kepada perkara-perkara yang baik dan yang patut dipuji, iaitu perkara yang benar, yang mulia, yang adil, yang murni, yang elok dan yang terhormat. murni, yang elok dan yang terhormat.” Filipi 4:8



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

Setelah mengalami penganiayaan, Tuhan membenarkan Paulus dan Silas untuk berehat di Berea sambil melihat hasil usaha mereka.


### Memahami Cerita

Tuliskan urutan cerita atau lukiskan dalam petak sesuai dengan tulisan yang disediakan.

Paulus dan Silas melalui Ampifolis dan Apolonia.



Mereka tiba di Tesalonika.



Orang Yahudi di Tesalonika cemburu apabila Paulus berhasil dalam penginjilan.



Rusuhan yang dimulakan oleh orang Yahudi pergi ke rumah Yason untuk mencari Paulus tetapi mereka tidak menemukannya.


## **Aktiviti**

Paulus didorong oleh saudara seiman dalam Kristus. Bagaimana kita boleh mendorong ahli keluarga kita? Pernahkah anda membantu ibu bapa beberapa hari ini? Adakah anda taat kepada mereka? Adakah anda mesra dengan mereka? Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan anda sendiri.


<b>Aktiviti yang harus dilakukan</b>	<b>Bagaimana anda melakukannya?</b>	<b>Apakah cara yang betul untuk melakukan aktiviti ini?</b>
Bersopan santun terhadap ibu bapa		
Taat kepada mereka		
Membantu mengangkat barang		
Belajar bersungguh-sungguh		
Mengucapkan 'selamat hari jadi'		
Menjaga adik-adik		

### **Penerapan:**

1. Tulis pendapat anda tentang maksud taat kepada Tuhan.
2. Tuliskan beberapa cara untuk menunjukkan kasih kepada ibu bapa anda di dalam bentuk hati di bawah.



Ibu



Bapa

### **Doa:**

Bapa kami yang di syurga, tolong saya untuk sentiasa berusaha bersungguh-sungguh, dan terima kasih kerana memberikan saya masa berehat.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 7: Perjalanan Penginjilan Kedua: Atena

*Rujukan Bab 5 di dalam DVD-R dan buku*

### Tema:

Pengetahuan yang disertai kesombongan membuatkan seseorang sukar untuk menerima keselamatan. Iman diperlukan untuk melihat jalan Tuhan.

### Tujuan Pembelajaran:

Belajar untuk bersikap rendah hati tentang pengetahuan anda dan memuji Tuhan untuk kebijaksanaan-Nya.

### Petikan Alkitab:

Kis17:16-34

### Ayat Hafalan:

Alangkah hebatnya kekayaan, kebijaksanaan, dan pengetahuan Allah! Siapakah dapat menjelaskan keputusan-Nya? Siapakah dapat memahami cara Dia melakukan sesuatu? - Roma 11:33



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Tuhan memakai pengetahuan Paulus untuk berkata-kata kepada orang Atena tetapi beberapa dari mereka tertawa sinis apabila mendengar bahawa Yesus telah bangkit dari kematian.
2. Dalam khutbah Paulus, dia menerangkan bahawa Tuhan tidak memerlukan apa-apa yang diperbuat oleh manusia, tetapi bukti Sang Pencipta nyata di dalam dunia ciptaan-Nya.





## Memahami Cerita

1. Siapakah yang ditunggu oleh Paulus semasa berada di Atena?
2. Mengapakah orang Yunani mendirikan banyak patung berhala?
3. Apakah nama tempat di mana Paulus berkhotbah tentang Injil kepada para ahli falsafah?

4. Pada masa bilakah beberapa ahli falsafah mentertawakan Paulus?
- A. Apabila mereka mendengar puisi yang mengatakan mereka ialah anak Tuhan.
  - B. Apabila mereka mendengar Paulus memberitahu tentang mezbah untuk tuhan yang tidak dikenali.
  - C. Apabila mereka mendengar bahawa Kristus telah bangkit dari kematian.
  - D. Apabila mereka mendengar Paulus tersedu semasa berkhotbah.

## **Aktiviti**

Bahagikan kelas kepada dua kumpulan. Kemudian minta setiap ahli kumpulan untuk menerangkan gambar berikut. Anak-anak harus mengikut giliran untuk memberikan jawapan, tidak seorang pun yang boleh menjawab dua kali sehinggalah semua ahli memberikan jawapan. Seorang ahli dari setiap kumpulan akan berlawan untuk salah sebuah gambar. Ahli kumpulan yang memberikan paling banyak jawapan betul akan memberikan markah kepada kumpulannya. Setelah itu, mereka boleh meneruskan permainan kepada gambar yang seterusnya sehingga selesai. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi menang!



### **Penerapan:**

1. Semasa anda bermain permainan sebentar tadi, bolehkah anda memberikan jawapan lebih dari rakan anda?  
\_\_\_\_\_
2. Tuhan mencipta segala sesuatu di dunia ini, termasuk semua gambar yang telah dilihat dalam permainan. Tuhan lebih tahu tentang mereka berbanding anda kerana Dia yang mencipta segalanya.
3. Selalu bersikap rendah hati terhadap pengetahuan yang anda peroleh, kerana semua itu diberikan oleh Tuhan.

### **Doa:**

Bapa kami yang di syurga, terima kasih kerana mencipta semua benda-benda yang baik dalam dunia ini. Engkau ialah Tuhan yang sangat baik.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 8: Perjalanan Penginjilan Kedua: Korintus

Rujukan Bab 6 di dalam DVD-R dan buku

### Tema:

- Adalah baik untuk belajar berkawan dan memulakan kerjasama semasa bekerja buat Tuhan
- Tuhan akan mendorong ketika kita berhadapan dengan kesusahan.

### Tujuan Pembelajaran:

Memahami pentingnya mempunyai rakan seiman yang baik.

### Petikan Alkitab:

Kis 18:1-23

### Ayat Hafalan:

Sesiapa yang mengasihi orang lain, sabar dan baik hati; dia tidak iri hati, tidak bercakap besar, dan tidak sombong. Dia tidak berkasar, tidak mementingkan diri sendiri, tidak cepat tersinggung, dan tidak mendendam. 1 Korintus 13:4&5



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Paulus bertemu dengan Priskila dan Akwila yang membuat khemah sepertinya. Mereka membantu Paulus menyebarkan Injil.
2. Tuhan memberitahu Paulus bahawa Dia akan sentiasa menyertainya. Tidak lama selepas itu, beberapa orang Yahudi cuba untuk menangkap Paulus tetapi gagal.

### Memahami Cerita

1. Selain dari kota perdagangan, Korintus juga terkenal dengan\_\_\_\_\_.
2. Padankan perkataan dengan ayat yang betul.

Bukti ajaran Paulus datang dari	●	● menolak ajaran Paulus.
Sukan antarabangsa yang diadakan di Korintus di panggil sebagai	●	● Roh Allah.
Orang Yahudi di Korintus	●	● Sukan Ithmus.
Jemaat di Filipi memberi Paulus	●	● pemberian wang.

## Aktiviti


Bahagikan kelas kepada dua kumpulan. Kedua-dua kumpulan akan bersaing untuk melengkapkan silang kata di bawah. Jika terdapat satu atau lebih jawapan salah, pengajar akan memaklumkan kepada ahli kumpulan, tanpa menyatakan nombor soalan. Kumpulan pertama yang menjawab semua soalan dengan betul akan menang.

### Melintang:

- Paulus melawat jemaat yang telah dimulakannya untuk \_\_\_\_\_ mereka.
- Ini merupakan sikap seseorang yang tidak menghilangkan diri ketika anda memerlukan pertolongan.
- Galio, gabenor negeri tidak bersetuju dengan orang Yahudi kerana Paulus tidak melakukan sebarang \_\_\_\_\_.

### Ke bawah:

- Nama orang Yahudi yang telah dipukul setelah diheret keluar dari hadapan Galio.
- Paulus bersahabat dengan Akwila dan \_\_\_\_\_.
- Perkataan yang bertentangan dengan jahat.
- Dalam penglihatan Paulus, Tuhan memberitahu dia supaya tidak \_\_\_\_\_.



## Respons:

- Ingat kembali permainan sebentar tadi. Fikirkan kepayahan anda dan ahli kumpulan ketika mencari jawapan yang betul. Pada pendapat anda, kenapa penting untuk kita mempunyai rakan dalam hidup?
- Bayangkan anda seorang sahaja yang menyelesaikan silang kata, berlawan pula dengan sebuah kumpulan. Siapakah yang akan menang?
- Bagaimanakah anda menunjukkan kasih kepada rakan-rakan?

## Doa:

Bapa kami yang di syurga, berilah saya rakan yang baik dan bijaksana dan bantulah saya untuk setia kepada mereka. Dalam nama Yesus saya berdoa, amin.

## Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

# Pelajaran 9: Perjalanan Penginjilan Ketiga: Efesus

*Rujukan Bab 7 di dalam DVD-R dan buku*

### Tema:

Ramai orang akan mendengar berita baik Injil jika kita setia terhadap pekerjaan Tuhan. Guru palsu yang cuba meniru pekerjaan Tuhan akan didedahkan.

### Tujuan Pembelajaran:

Apa yang anda lakukan untuk Tuhan tidak sia-sia. Berdoalah bagi mereka yang tidak baik terhadap anda supaya mereka diubah Tuhan.

### Petikan Alkitab:

Kis 19

### Ayat Hafalan:

“Berbuatlah demikian, kerana Tuhan sentiasa memperhatikan orang yang melakukan kehendak-Nya, Dia sentiasa mendengarkan doa mereka; tetapi Tuhan menentang orang yang melakukan kejahatan.”  
– 1 Petrus 3:12



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Ramai orang di Asia Kecil mendengar Injil kerana ajaran Paulus.
2. Apabila pengusir roh jahat cuba meniru Paulus, mereka dihukum. Hal ini menyebabkan ramai orang mengaku dan bertaubat.


## Memahami Cerita

Buat sehelai penanda buku untuk anda sendiri.

Bahan yang diperlukan: kad manila, penebuk lubang, pensel, pensel warna dan reben.

Cara-cara:

1. Gunting sekeping kad manila yang berukuran 10cm x4cm.



2. Tebuk satu lubang di bahagian hujung kad dengan menggunakan penebuk lubang.



3. Tuliskan sebab mengapa anda berhenti berbuat baik atau membaca Alkitab di atas kad tersebut.
4. Lukis satu gambar kecil tentangnya di sebelah tulisan dan warnakan.
5. Ikatkan reben pada lubang yang telah ditebuk.

Anda boleh melaminatkan penanda buku ini sebelum mengikat reben jika anda mahu. Gunakan penanda buku ini. Setiap kali anda membaca penanda buku ini, berdoalah kepada Tuhan supaya anda berubah. Ingatkan diri sendiri untuk tidak terpengaruh dengan hal-hal tersebut.

### **Penerapan:**

Apakah perasaan anda jika diejek semasa melakukan pekerjaan Tuhan? Ingatlah hal ini sebelum anda sendiri yang cuba untuk membuli atau mendorong rakan lain untuk membuli orang lain.

### **Doa:**

Bapa kami yang di syurga, masuklah ke dalam hati saya. Berikan saya keberanian untuk berhadapan dengan orang-orang yang tidak mengenal-Mu, amin.

## Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

# Pelajaran 10: Perjalanan Penginjilan Ketiga: Surat kepada Jemaat di Roma

*Rujukan Bab 8 di dalam DVD-R dan buku*

### Tema:

Injil boleh diberitakan dengan menjawab persoalan hidup rakan-rakan.

### Tujuan Pembelajaran:

Sedar akan keindahan berita keselamatan dan menceritakannya tanpa perasaan malu.

### Petikan Alkitab:

Roma 1:1-16, 2: 23-25, 6:1-23

### Ayat Hafalan:

"Kematian adalah upah dosa, tetapi hidup sejati dan kekal bersama-sama Kristus Yesus Tuhan kita adalah anugerah Allah".- Roma 6:23




## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Paulus berkongsi akan pengetahuannya untuk menjawab persoalan dari jemaat di Roma.
2. Roma 3:22 berkata bahawa Tuhan memungkinan kita berbaik semula dengan-Nya melalui kepercayaan kita kepada Yesus.


## Memahami Cerita

Warnakan gambar.



## Aktiviti

Rujuk Alkitab anda. Susun urutan surat Paulus seperti yang didapati di dalam Alkitab. Tulis nombor urutan dalam petak yang berada di sisi.



### Penerapan:

1. Baca petikan asal cerita yang ditulis oleh Paulus di dalam Alkitab untuk pelajaran hari ini. Adakah anda mempunyai sebarang pertanyaan? Tanya guru jika anda memerlukan penjelasan.
2. Fikirkan tentang kasih Tuhan. Adakah anda bergembira atau malu tentangnya? Kenapa?  
\_\_\_\_\_
3. Apakah perkara lain yang boleh menyebabkan anda terus berdosa walaupun anda seorang Kristian?  
\_\_\_\_\_

### Doa:

Bapa kami yang di syurga, terima kasih kerana menghantar anak-Mu untuk mati bagi mengampuni dosa dan saya tidak perlu sengsara kerananya lagi, amin.

## Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

# Pelajaran 11: Perjalanan Penginjilan Ketiga: Meninggalkan Pemimpin Jemaat dan Kembali ke Yerusalem

*Rujukan Bab 8 di dalam DVD-R dan buku*

### **Tema:**

Orang Kristian harus menjaga sesama orang Kristian lain terutamanya yang miskin dan memerlukan. Kalau bukan kita yang menjaga sesama, siapa lagi?

### **Tujuan Pembelajaran:**

Belajar untuk mengambil berat serta berdoa untuk satu sama lain. Jangan mementingkan diri.

### **Petikan Alkitab:**

Kis 20 & 21:1-26

### **Ayat Hafalan:**

supaya kamu menjaga jemaah yang diberikan oleh Allah kepada kamu, seperti gembala menjaga kawanan domba. Jagalah jemaah dengan senang hati sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah. Janganlah lakukan tugas itu dengan berat hati. Jangan lakukan pekerjaan kamu hanya untuk mendapat upah, tetapi melakukannya kerana kamu sungguh-sungguh ingin melakukannya. Janganlah bertindak sebagai penguasa terhadap orang yang dipercayai kepada kamu, tetapi jadilah teladan kepada mereka. – 1 Petrus 5:2-3



## Belajar

### **Pengajaran Cerita ini:**

1. Paulus mempersiapkan jemaat yang ditinggalkannya dengan memilih pemimpin serta menulis surat kepada mereka.
2. Dia bertekad untuk membawa wang sumbangan ke Yerusalem untuk membantu orang miskin di sana.

## Memahami Cerita

1. Mengapakah Paulus berada di gereja di Troas sehingga tengah malam?  
Dia ingin memberitahu mereka tentang \_\_\_\_\_.
2. Bagaimanakah Paulus menyembuhkan Euthikus yang mati akibat terjatuh dari tingkat tiga?  
Dia mendapat pertolongan dari \_\_\_\_\_.

3. Mengapakah semua pemimpin di Efesus bersedih ketika Paulus meninggalkan mereka di Miletus?  
Setelah Paulus meninggalkan mereka, dia \_\_\_\_\_.
4. Apakah mesej yang disampaikan oleh nabi Agabus kepada Paulus di Kaisarea?  
Jika Paulus menjejakkan kaki ke Yerusalem, dia akan\_\_\_\_\_.

ditangkap dan dipenjarakan banyak perkara	Roh Allah	Doktor Lukas tidak akan kembali lagi
--	-----------	---

### Aktiviti

Ramai orang akan berhadapan dengan kesukaran dalam hidup. Senaraikan beberapa nama rakan anda yang perlu didoakan. Tuliskan nama, kemudian lukis dan warnakan gambar mereka dan tulis satu masalah yang sedang mereka hadapi. Gunakan jadual di bawah sebagai panduan, atau tulis senarai anda di atas sehelai kertas kosong.

Nama	Gambar	Masalah

### Penerapan:

- Doakan setiap mereka yang ada di dalam senarai anda tadi. Setelah itu, simpan senarai tersebut sebagai satu peringatan dan doakan mereka setiap malam sehingga masalah mereka selesai.
- Bayangkan jika nama anda juga tersenarai. Adakah anda berasa gembira apabila mengetahui seseorang selalu berdoa untuk anda?

### Doa:

Ubahlah saya menjadi lebih baik bermula hari ini supaya saya boleh berkongsi berita baik keselamatan.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 12: Paulus ditangkap di Yerusalem *Rujukan Bab 9 di dalam DVD-R dan buku*

### Tema:

Tuhan menjaga sesiapa sahaja yang menurut perintah serta melakukan rancangan-Nya. Walaupun orang Kristian harus bersikap lembut, kita harus bertindak bijak untuk mempertahankan keadilan.

### Tujuan Pembelajaran:

Ketahui bila anda harus mempertahankan hak anda dan bersuara ketika anda dilayan secara tidak adil.

### Petikan Alkitab:

Kis 21:27-40, 22, 23, 24 & 25:1-12

### Ayat Hafalan:

“Baik hal-hal yang di langit mahupun yang di bumi -- tidak ada sesuatu pun di alam semesta yang dapat menghalang Allah mengasihi kita, seperti yang sudah ditunjukkan-Nya melalui Kristus Yesus, Tuhan kita! – Roma 8:39



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Apabila orang Yahudi mahu membunuh Paulus, Tuhan melindunginya dengan menghantar orang Roma kepadanya.
2. Paulus menggunakan haknya sebagai seorang warganegara Roma untuk meminta dibicarakan oleh penguasa Roma. Dengan itu, dia memulakan perjalanan penguinjilan ke Roma.

## Memahami Cerita

Pilih 'betul' atau 'salah'.

1. Paulus ditahan sebelum beliau sempat memberikan wang sumbangan kepada jemaat di Yerusalem. \_\_\_\_\_
2. Paulus memberitahu orang Yahudi supaya tidak mengikut hukum Musa. \_\_\_\_\_
3. Setelah pergi ke rumah ibadat, Paulus berjaya membuat orang Yahudi menyukainya. \_\_\_\_\_
4. Adalah salah bagi warganegara Roma untuk di pukul sebelum dibicarakan. \_\_\_\_\_
5. Feliks memutuskan bahawa Paulus tidak bersalah terhadap tuduhan yang dilemparkan kepadanya. \_\_\_\_\_

## Aktiviti

Cari perkataan berikut.

Paulus

Yakobus

Feliks

Festus

Roma

Kaisar

F	A	P	R	Y	X	C	B
E	Y	A	K	O	B	U	S
S	X	U	Z	F	P	G	C
T	V	L	K	E	L	D	R
U	M	U	H	L	J	H	O
S	Y	S	E	I	W	J	M
W	L	S	S	K	D	H	A
P	K	A	I	S	A	R	Y

### Penerapan:

1. Bilakah kali terakhir Tuhan melindungi anda dari bahaya?  
\_\_\_\_\_
2. Ramai orang Kristian di seluruh dunia yang dianiaya kerana percaya kepada Injil. Buat satu penyelidikan atau tanya guru anda tentang mereka. Kemudian berdoalah kepada Tuhan untuk melindungi mereka.
3. Acap kali ramai orang dihukum tanpa kesalahan, walaupun di mahkamah. Adakah anda berani bersuara untuk orang yang dianiaya di sekeliling anda, contohnya rakan sekelas yang dibuli? Jika anda berani, apakah yang akan anda lakukan?  
\_\_\_\_\_

### Doa:

Bapa kami yang di syurga, tolong saya untuk selalu percaya kepada-Mu dan bantulah saya dalam apa juga keadaan. Lindungilah saya, amin.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 13: Perbicaraan Paulus

Rujukan Bab 10 di dalam DVD-R dan buku

### Tema:

Kita mesti menggunakan kesempatan yang ada untuk memberitakan Injil. Kita harus berani untuk mentaati Tuhan.

### Tujuan Pembelajaran:

Belajar untuk taat dan takut akan Tuhan, bukan takut kepada orang-orang di sekeliling anda.

### Petikan Alkitab:

Kis 25:13-27, 26:1-32

### Ayat Hafalan:

“Aku yakin dengan sepenuhnya bahawa Berita Baik itu kuasa Allah yang menyelamatkan semua orang yang percaya kepada Yesus, mula-mula orang Yahudi, dan juga orang bukan Yahudi”. – Roma 1:16



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

Paulus mengambil kesempatan semasa berada di muka pengadilan dan memberitahu semua orang mengapa dia percaya kepada Injil. Dia berkhutbah tentang hal itu.

## Memahami Cerita

Susun semula ayat-ayat di bawah mengikut urutan ucapan Paulus. Tulis nombor urutan di dalam petak.

- Paulus bertegas bahawa dia tidak gila tetapi dia berkhutbah tentang Injil kerana itu adalah kebenaran.
- Paulus menyatakan ajarannya, iaitu Injil dan kebangkitan Yesus.
- Paulus memberitahu Raja Agripa bagaimana Yesus membutakan matanya dan memanggilnya dari syurga.
- Paulus berharap supaya semua orang akan percaya dengan firman Yesus dan menjadi seperti nya.
- Paulus menerangkan kepada raja tentang perintah yang telah diberikan oleh Yesus dan dia mentaati perintah itu.

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>



# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 14: Perjalanan ke Roma: Kapal Karam *Rujukan Bab 11 di dalam DVD-R dan buku*

### Tema:

Jika kita percaya kepada Tuhan, kita boleh memberkati orang di sekeliling kita. Tuhan boleh menggunakan kepercayaan kita untuk menolong orang yang tidak mengenal Dia.

### Tujuan Pembelajaran:

Belajar untuk mendorong serta menghiburkan orang lain. Selalu berdoa untuk perlindungan dan keselamatan orang lain walaupun tidak dikenali. Pendek kata, jadilah orang yang baik.

### Petikan Alkitab:

Kis 27: 1-44 , 28:1-10

### Ayat Hafalan:

"Kita tahu bahawa Allah mengendalikan segala hal sehingga menghasilkan yang baik bagi orang yang mengasihi Dia dan yang sudah dipanggil-Nya sesuai dengan rancangan-Nya."- Roma 8:28



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Kapal yang dinaiki oleh Paulus karam. Orang lain bimbang akan lemas tetapi Tuhan memberi perlindungan kepada mereka. Paulus yang tahu akan perlindungan dari Tuhan menenangkan mereka.
2. Di pulau itu, seekor ular yang berbisa telah mematuk Paulus tetapi Tuhan menyelamatkannya sehingga membuat orang ramai kagum.
3. Kerana kapal yang karam itu, Paulus menyembuhkan ramai orang di pulau itu, termasuk bapa penghulu pulau dan Injil disebarkan di sana.

### Memahami Cerita

1. Dalam Kisah Rasul-rasul, siapakah yang dikatakan telah menyertai Paulus dalam perjalanannya ke Roma?  
I) Lukas    II) Silas    III) Kaisar    IV) Yohanes Markus    V) Aristarkus  
A. I dan II    B. III dan IV    C. II, III dan V    D. I dan V
2. Apakah yang telah dilakukan oleh anak-anak kapal ketika rebut melanda?  
A. Mereka mengemudi kapal menjauhi rebut  
B. Berdoa kepada Tuhan untuk menyelamatkan mereka  
C. Mereka membuang Yunus ke laut dan ribut pun berlalu  
D. Mereka membuang muatan-muatan kapal ke laut
3. Menurut Tuhan yang memberitahu Paulus, siapa antara mereka di kapal itu yang akan selamat?  
A. Paulus sahaja    B. Paulus dan Lukas    C. Nakhoda kapal dan orang Kristian  
D. Semua orang

4. Berdasarkan kepada buku Kisah Rasul-Rasul, apakah mukjizat yang telah dilakukan oleh Paulus di pulau Malta?
- A. Dia mengusir iblis  
 B. Dia membangkitkan orang mati  
 C. Dia menyembuhkan bapa penghulu pulau  
 D. Dia menyembuhkan seorang lelaki yang dipatuk ular

## Aktiviti

Buat sebuah cerita komik pendek tentang perjalanan Paulus ke pulau Malta. Berdasarkan kepada ayat yang diberi, lukis sebuah gambar dan dialog bagi karakter anda dan warnakan gambar tersebut.

1. Paulus berlayar dari Adramitium.	2. Kapal dilanda ribut.	3. Paulus menenangkan orang-orang dalam kapal tersebut
4. Kapal terkandas pada pasir dan dimusnahkan oleh angin	5. Pengawal-pengawal ingin membunuh para tahanan tetapi pegawai menghentikan mereka.	6. Setelah tiba di Malta, Paulus dipatuk ular tetapi dia sekadar mengibaskannya ke atas ungun api.

### Penerapan:

Apakah perkara-perkara yang pernah anda lakukan? Pilih dari 1 (tidak pernah) hingga 5 (selalu) bagi setiap perlakuan.

Perlakuan	Tidak pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Selalu
- Menderma kepada orang miskin	1	2	3	4	5
- Membawa makanan untuk datuk dan nenek	1	2	3	4	5
- Mengajar rakan untuk memahami kerja sekolah	1	2	3	4	5
- Menolong cikgu mengangkat barang	1	2	3	4	5

### Doa:

Bapa di syurga, tolong saya untuk menjadi orang yang baik dan murah hati terhadap orang lain.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 15: Paulus - Tahanan di Roma

Rujukan Bab 12 di dalam DVD-R dan buku

### Tema:

Allah akan menggenapi janji-Nya kepada kita, seperti yang Dia lakukan kepada Paulus dan para jemaat. Dia menggandakan jumlah mereka.

### Tujuan Pembelajaran:

Bersyukur kepada Tuhan untuk Injil harapan yang telah diberikan-Nya kepada kita.

### Petikan Alkitab:

Kis 28: 11-31

### Ayat Hafalan:

"Bagiku, hidup itu mengabdikan kepada Kristus, dan kematian lebih berfaedah."- Filipi 1:21



## Belajar

### Pengajaran Cerita ini:

1. Paulus membawa berita Injil ke Rom, pusat pentadbiran bagi Empayar Roma
2. Walaupun dia menjadi tahanan, dia dilindungi oleh seorang pengawal dan dibenarkan untuk berbual dengan pelawat serta menulis surat.

### Memahami Cerita

Mengikut pendapat anda, tuliskan bagaimana perasaan Paulus apabila dia:

1. Berada di atas kapal yang berlayar ke Roma  
Perasaan: Bimbang
2. Melihat ramai orang yang menuju ke arahnya di jalan raya.  
Perasaan: \_\_\_\_\_
3. Kepada pemimpin Yahudi tentang Injil dan beberapa di antara mereka tidak bersetuju dengannya.  
Perasaan: \_\_\_\_\_
4. Apabila dia menulis surat semasa berada di rumah sewanya.  
Perasaan: \_\_\_\_\_

## **Aktiviti**

Tulis sebuah sajak yang memuji Tuhan. Dalam sajak itu, anda boleh berterima kasih kepada Tuhan untuk semua anugerahnya, seperti keselamatan dan keluarga bahagia, bahkan makanan yang anda kecap. Jangan lupa untuk menulis tajuk sajak anda.

## **Contoh:**

### **Tuhan menunjukkan kasih-Nya**

*Saya tahu Tuhan mengasihi saya*

*Kerana anugerah yang diberikan-Nya*

*Badan yang sihat dan kuat*

*Adik untuk bermain bersama*

*Namun walaupun semua itu tidak ada*

*Saya tetap tahu Dia mengasihi saya*

*Kerana saya dijanjikan kebahagiaan di syurga*

### **Penerapan:**

Tuliskan ucapan syukur anda di dalam kotak hadiah di bawah. Kemudian tuliskan pandangan anda tentang hidup serta sebabnya di dalam bentuk hati.



### **Doa:**

Bapa di syurga, terima kasih kerana memberikan Injil kepada saya. Berilah juga Injil kepada semua rakan dan keluarga saya. Semua ini saya minta di dalam nama Tuhan Yesus, amin.

# Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

## Pelajaran 16: Epilog

*Rujukan Bab 13 di dalam buku – BUKAN di dalam DVD- R*

### Ayat Hafalan:

Kis 1:8

Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi.



### Aktiviti 1:

Lukis mengikut imaginasi anda untuk setiap nama yang diberi dan tulis satu penerangan pendek tentang gambar yang dilukis. Apakah kekuatan dan kelemahan serta pencapaian mereka seperti yang ditulis di dalam buku Kisah Rasul-Rasul.

a. Rasul Paulus

b. Barnabas

c. Yohanes Markus

d. Lukas

e. Timotius

**Aktiviti 2:**

Pilih tiga daripada nama yang ditulis pada Aktiviti 1 atau sesiapa sahaja yang anda rasa sesuai. Tuliskan siapa yang anda ingin contohi.

1. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Doa:**

Tulis doa berdasarkan sikap tauladan yang anda tuliskan dalam Aktiviti 2. Jadikan ia sebagai doa anda sendiri.

SAMPLE